

THE CONCEPT OF MODERATION IN CREED ACCORDING TO PERSPECTIVE OF AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMA'AH

(KONSEP AL-WASATIYYAH DALAM AKIDAH MENURUT PERSPEKTIF AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMA'AH)

Mohd Hafiz Nordin, Mohd Hasrul Shuhari & Engku Ahmad Zaki Engku Alwi ¹

Abstract

The concept of moderation basically refers to being in the middle of two extremes. This concept can be understood in larger scope which includes the matter of creed, whorship, social relation, economy dan leadership. Nowadays, there are a lot of chaos that has been lit up by a group of people who relate themselves to Islam, thus the Western does not review Islam as a religion that promote justice. It clearly can be seen from the attacks of the groups of Islamic State (ISIS), al-Qaeda, Jamaah Islamiyyah and others. These attacks affect the nomination of Islam as a religion of good and mercy. Hence, this research has been done to highlight the concept of al-wasatiyyah according to perspective of ahl al-sunnah wa al-jama'ah. The research based on the method of libratory study (qualitative) to get the result. The research also collects the data and information via documentation and the method of inductive to get the conclusion. The result showed that ahl al-sunnah wa al-jama'ah stand out in introducing the concept of al-wasatiyyah in creed. The madhhab of Islamic creed is dominated by two group people called as al-Asha'irah and al-Maturidiyyah.

Keywords: al-wasatiyyah, creed, ahl al-sunnah wa al-jama'ah

Abstrak

Konsep al-wasatiyyah kebiasaannya difahami dengan makna kesederhanaan atau pertengahan di antara dua sikap ekstrem. Konsep ini juga difahami dengan skop yang lebih luas kerana ia merangkumi aspek akidah, ibadah, sosial, ekonomi dan pentadbiran. Namun mutakhir ini Islam tidak disifatkan sebagai agama yang adil oleh Barat berikutan kekacauan yang timbul oleh sebahagian kelompok manusia yang menisbahkan diri mereka kepada Islam. Perkara ini boleh dilihat apabila serangan-serangan keganasan yang timbul oleh kumpulan-kumpulan ISIS, al-Qaeda, Jamaah Islamiyah dan lain-lain. Ini menjejaskan nama baik Islam sebagai suatu agama rahmat. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan mengetengahkan konsep al-wasatiyyah dalam akidah ahl al-sunnah wa al-jama'ah. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan dalam mendapatkan hasil kajian. Kajian ini juga mendapatkan data serta maklumat melalui kaedah dokumentasi dan induktif untuk mendapatkan kesimpulan terhadap maklumat-maklumat yang dikemukakan. Hasil kajian mendapati bahawa golongan ahl al-sunnah wa al-jama'ah sangat menonjol dalam memperkenalkan konsep al-wasatiyyah dalam akidah. Akidah ini dipelopori oleh dua kumpulan manusia yang terkenal dengan nama al-Asha'irah dan al-Maturidiyyah .

Kata Kunci: al-wasatiyyah, akidah, ahl al-sunnah wa al-jama'ah

¹ Pensyarah Kanan di Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, hasrulshuhari@unisza.edu.my

PENGENALAN

Makalah² ini menjelaskan konsep *al-wasatiyyah* dalam akidah menurut perspektif *ahl al-sunnah wa al-jama'ah*. Perkataan *al-wasatiyyah* kini tidak lagi asing untuk didengar. Banyak kertas kerja dan pembentangan di konvensyen-konvensyen bertemakan konsep *al-wasatiyyah*. Tambahan pula, kerajaan Malaysia turut menjadikan konsep *al-wasatiyyah* sebagai satu gagasan sejahtera dalam membentuk keharmonian rakyat dan ketenteraman negara. Justeru, Institut al-Wasatiyyah negara juga telah diwujudkan pada 17 Januari 2012 bagi merealisasikan gagasan tersebut.

Walaupun banyak kupasan berkaitan konsep *al-wasatiyyah*, namun masih terdapat lagi beberapa kumpulan yang menyalahafsirkan demi kepentingan sendiri. Kefahaman berkaitan *al-wasatiyyah* ini perlu diambil daripada sumber yang muktabar dan *thiqah* melalui al-quran dan hadith. Pengertian yang tidak ambil daripada sumber berautoriti hanya akan menguntungkan pihak yang berkepentingan.

al-Wasatiyyah tidak boleh diterjemahkan secara literal. Ia mempunyai makna yang tersurat dan tersirat. Penterjemahan kepada kesederhanaan dan keseimbangan tidak boleh terhenti di situ sahaja. Tafsiran sedemikian adalah salah kerana tidak merangkumi makna yang menyeluruh dan hanya menyamai konsep moderation yang diperkenalkan oleh barat, walhal kesederhanaan adalah lebih luas lebih-lebih lagi dalam aspek akidah (mohd zuhdi dan ahmad dahlan, 2015). Oleh itu, ia perlu dihuraikan dan difahami secara komprehensif seperti mana yang diajarkan oleh baginda rasulullah di zamannya.

al-Wasatiyyah boleh didapati dalam pelbagai aspek kehidupan. Namun perkara yang menjadi keutamaan adalah konsep *al-wasatiyyah* dalam akidah. Akidah merupakan amalan yang paling *afdal* sebagaimana yang disebut di dalam hadith:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُئِلَ: أَيُّ الْأَعْمَالِ أَفْضَلُ؟ قَالَ: الْإِيمَانُ بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ.

Terjemahan: Daripada abu Hurairah: sesungguhnya rasulullah pernah ditanya: apakah amalan yang paling baik? Berkata rasulullah: (ia adalah) beriman kepada Allah dan rasulnya (al-Nasa'i, hadis no 4985).

Maka konsep *al-wasatiyyah* dalam akidah perlu dititikberatkan oleh semua lapisan masyarakat. Ini penting bagi menjamin keharmonian masyarakat dalam kehidupan berpaksikan akidah yang benar dan tidak terkesan dengan *ifrat* dan *tafrit* dalam soal keimanan.

KONSEP *al-WASATIYYAH*

Sesungguhnya Allah Taala telah menganugerahkan keistimewaan kepada umat Muhammad *sallallahu 'alaihi wassalam*. Umat Muhammad merupakan umat terpilih yang dinyatakan menerusi firman Allah Taala:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا

Terjemahan: Dan demikianlah (sebagai mana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat muhammad) satu ummah yang pilihan

² Makalah ini telah dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) pada 7-8 November 2018.

lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi penyaksian kepada manusia (tentang yang benar dan salah), dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menjadi saksi ke atas kamu.

Oleh itu, menerusi ayat ini umat Islam telah dilantik sebagai umat wasatiyyah yang diutus kepadanya seorang rasul yang mulia. Kedatangan baginda untuk menyeru kepada kebaikan dan menegah kepada kemungkaran, memperjuangkan keadilan dan membela nasib golongan yang tertindas. Baginda datang membawa cahaya kebenaran dan menghapuskan tradisi kejahilan.

Dari sudut bahasa, Mohd Zuhdi (2015: 138) merumuskan *al-wasatiyyah* dengan maksud pertengahan. Menurut Abdullah Md Zain (2013: 29), ia diambil daripada perkataan *al-wasat* yang bermaksud keadilan dan kecemerlangan. Manakala dari segi istilah, suatu istilah yang membawa kepada anjakan kecemerlangan dunia dan akhirat (Mohd Zuhdi, 2015: 140). *Wasatiyyah* bukan bermaksud 50:50 (sama rata) tetapi adalah pendekatan kasih sayang, kesejahteraan dan perpaduan yang dikongsi bersama bermaksud berada di tempat yang sesuai di antara dua situasi yang bertentangan, selalu mengambil jalan tengah dalam berhadapan dengan apa-apa yang berlaku dalam kehidupan. Ia juga diistilahkan dengan adil, sederhana dan terbaik. Di dalam al-Quran, umat Islam dikenali sebagai *ummatan wasata* yang membawa erti umat yang bersifat adil dan terpilih.

SALAH FAHAM TERHADAP KONSEP *al-WASATIYYAH*

Kemunduran umat Islam adalah kerana gagal memahami konsep *al-wasatiyyah*. Faktor yang menyebabkan hal itu berlaku kerana ia difahami dengan bahasa nafsu bukannya wahyu. Ada yang mengambil kesempatan dengan meninggalkan syariat Allah dengan sengaja. Mereka berselindung di sebalik tafsiran batil dengan hujah kononnya mengikut arus pemodenan dan realiti keadaan semasa (Mohd Zuhdi, 2015: 139). Ada juga yang cenderung kepada kumpulan liberal sehingga beranggapan bahawa pemodenan tidak akan berjaya tanpa pembaratan. Di samping itu, tidak terkecuali juga terdapat segelintir yang masih berfikiran rigid tenggelam dalam fahaman fatalisme yakni merujuk kepada kepercayaan bahawa perjalanan hidup itu ditentukan oleh nasib dan di luar kawalan manusia (Kamus Dewan, 1998). Mereka ditanamkan konsep *qada'* dan *qadar* yang salah sehingga bertindak menolak arus kemodenan dan mudah berpuas hati tanpa usaha yang maksimum.

Kesederhanaan dapat dilihat pada konteks tidak berlebihan dalam sesuatu dan tidak pula terlalu longgar. Islam menganjurkan umatnya untuk berada di tengah-tengah antara dua ekstreme (Abdullah, 2013: 28). Di dalam aspek ketuhanan, Islam menolak fahaman ateisme dan pluralisme. Sebahagian manusia mendakwa bahawa alam ini tiada pencipta baginya, sebahagian pula meyakini bahawa dunia ditadbir oleh banyak Tuhan. Namun Islam memerintahkan umatnya bukan sahaja meyakini Allah sebagai Tuhan bahkan mengesakan Allah dan tidak mensyirkannya.

DEFINISI AHL *al-SUNNAH WA al-JAMA'AH*

Istilah ahli sunnah waljamaah boleh didapati di dalam hadith baginda melalui pelbagai riwayat. Para ulama telah menggunakan istilah ini bagi merujuk kepada golongan yang terselamat. At-Tohawi (2004: 19) di dalam pendahuluan kitabnya yang sangat masyhur di timur dan barat juga menyebut istilah ini. Teks beliau seperti mana berikut:

"هذا ذكر بيان عقيدة أهل السنة والجماعة"

Terjemahan: *"Ini adalah suatu penjelasan akidah ahli Sunnah wajjamaah"*

Menurut Syakila Ahmad (t.t: 2-3) dalam frasa ahli sunnah wajjamaah, ahli didefinisikan sebagai anggota sesebuah pertubuhan, persatuan atau golongan (Kamus Dewan, 1993). Sunnah dari sudut istilahnya pula sebagaimana takrifan oleh ulama hadith ialah apa yang diriwayatkan dari Rasulullah berupa ucapan, perkataan, penetapan, peribadi, akhlak dan riwayatnya sama ada sebelum atau selepas kerasulan baginda (H. Aboe Bakar Aceh, 1982). Penamaan manusia dengan nama ahli sunnah juga diambil daripada sumber hadith yang diriwayatkan oleh al-Imam at-Tabarani:

"المتمسك بسنتي عند فساد أمتي له أجر شهيد"

"seseorang yang berpegang teguh dengan dengan sunnahku (akidah dan hukum-hakam yang telah aku datangkan) ketika rosak umatku baginya ganjaran syahid"

Maka diketahui juga di sini sesiapa yang berpegang teguh dengan akidah dan hukum-hakam yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w digelar sebagai ahli sunnah. Manakala *jama'ah* diistilahkan sebagai satu kelompok yang besar (*al-sawad al-a'zam*) iaitu kumpulan manusia yang kebanyakannya bersepakat dalam mentaati pemerintah dan mengikut jalan yang lurus (Ibn Athir, 1963). Gelaran tersebut diambil daripada beberapa buah hadith. Imam al-Tirmidhi (t.t: 456) meriwayatkan hadis berstatus sahih gharib:

"hendaklah kalian bersama al-jamaah, dan hendaklah kalian menjauhi perpecahan kerana sesungguhnya syaitan bersama dengan orang yang berseorangan dan ia menjadi lebih jauh dari orang yang berdua-duaan. Barang siapa yang inginkan tempat yang tinggi di dalam syurga, maka ikutlah al-Jama'ah".

Perkataan al-jama'ah dalam hadith tersebut merujuk kepada kelompok umat Islam yang merupakan majoriti daripada kalangan manusia. Mereka merupakan umat Muhammad secara jumbuh dan mereka juga berakidah tulen dan keimanan yang *sahih* terhadap perkara yang dinyatakan dalam hadith Jibril (Muslim, t.t.: 36). Sebagaimana yang disebut oleh Rasulullah s.a.w yang bermaksud: *"Iman itu adalah bahawa kamu beriman kepada Allah, para malaikatNya, kitab-kitabNya, rasul-rasulNya, hari akhirat dan ketentuan Allah sama da yang baik mahupun yang buruk"*

Kesimpulannya, golongan *ahl al-sunnah wa al-jamaah* merupakan golongan majoriti umat Islam. Merekalah golongan yang terselamat daripada kesesatan. Pegangan *ahl al-sunnah wa al-jamaah* bukan sahaja dilihat pada bangsa Arab, bahkan juga bangsa-bangsa lain termasuklah masyarakat Islam di Malaysia. Sejarah menyaksikan bahawa pegangan *ahl al-sunnah wa al-jamaah* telah dirintis oleh ulama-ulama Yaman yang berakidah *ahl al-sunnah wa al-jamaah*. Akidah ini berperanan penting dalam membentuk keharmonian di Tanah Melayu. Menurut Muhammad Uthman El-Muhammady (2010: 5), pegangan akidah *ahl al-sunnah wa al-jamaah* telah menjadi suatu agen dalam menyatupadukan umat Islam di Malaysia yang sekian lama telah berpegang teguh dengan dan memahaminya secara seragam. Mereka berpandukan kepada akidah ajaran Imam Abu Hasan al-Ash'ari, fiqh menurut Imam Shafi'e manakala tasauif mengikut jalan Imam al-Ghazali.

GOLONGAN YANG TERSELAMAT

Berdasarkan sebuah hadith yang tidak asing lagi dengan para pengkaji dan ilmuan dalam bidang akidah, Rasulullah s.a.w telah menyebutkan perpecahan manusia kepada 73 golongan. Kesemua golongan tersebut terjerumus ke dalam neraka melainkan satu kumpulan sahaja yang terselamat. al-Tabarani (t.t.: 273) di dalam kitabnya meriwayatkan:

“dan umat ini telah berpecah kepada tujuh puluh tiga golongan, tujuh puluh dua daripadanya masuk ke dalam neraka, dan satu golongan masuk ke dalam syurga. Kemudian kami berkata kepada baginda: ceritakanlah kepada kami ciri-ciri mereka, lalu baginda menjawab: golongan majority (al-sawad al-a’zam).”

Beberapa jalur riwayat lain turut menyebutkan perkara yang sama dari sudut makna. al-Tirmidhi (1975: 26) meriwayatkan dengan lafaz: *“mereka bertanya: siapakah mereka itu wahai Rasulullah? Lalu baginda menjawab: mereka yang menelusuri manhajku dan manhaj para sahabatku”*.

Berdasarkan kepada hadith-hadith yang menyebutkan tentang golongan yang terselamat tatkala berlakunya perpecahan umat Muhammad s.a.w, maka didapati bahawa mereka itulah *ahl al-sunnah wa al-jamaah*. Namun, pelbagai kelompok manusia tampil mengaku membawa manhaj Rasulullah s.a.w dan mereka mendakwa sebagai *ahl al-sunnah wa al-jamaah*. Di antara mereka adalah golongan shi’ah, al-wahhabiyyah serta beberapa kumpulan palsu dalam tariqat.

al-Zabidi (t.t: 5) di dalam kitabnya menyebut perihal gelaran *ahl al-sunnah wa al-jamaah*: *“jika diitlaqkan (disebut siapakah) ahl al-sunnah wa al-jamaah, maka yang dikehendaki daripadanya adalah al-Asha’irah dan al-Maturidiyyah.”*

Oleh itu, penulis meneliti bahawa penisbahan frasa *ahl al-sunnah wa al-jamaah* terhadap kumpulan al-Asha’irah dan al-Maturidiyyah menepati teks hadis Rasulullah s.a.w. Hal ini kerana jika ditelusuri peredaran zaman, sejarah menyaksikan bahawa golongan al-Asha’irah dan al-Maturidiyyah yang melopori majoriti umat sejak zaman baginda s.a.w sehingga kini. Dua gelaran ini sering kali menjadi sebutan di kalangan manusia di seluruh dunia.

al-ASHA’IRAH

al-Asha’irah adalah sebenarnya pengikut kepada seorang imam yang agung. Beliau adalah Abu al-Hasan ‘Ali bin Ismail bin Abi Bisyr Ishaq bin Salim bin Ismail bin ‘Abd Allah bin Musa bin Bilal bin Burdah ‘Amir bin Abi Musa al-Ash’ari yang merupakan sahabat Rasulullah s.a.w. Beliau dilahirkan pada 260H di Basrah dan wafat pada tahun 324H. Namun terdapat khilaf pada pentapan tahun kelahiran dan kewafatan beliau. Beliau wafat di Baghdad dan dikebumikan di satu kawasan terletak antara al-Karkh dan pintu Basrah (Abd’ al-Qadir, t.t.: 353).

al-Ash’ari bermanhaj sunni yang mana pada permulaan hayatnya, beliau telah mempelajari mazhab Muktazilah daripada Abu ‘Ali al-Jubba’i (303H). Walaubagaimanapun, beliau mengetahui situasi sebenar dengan hatinya yang suci dan akal yang bijaksana. Beliau melihat jurang yang begitu jelas di antara ahli sunnah dan Muktazilah. Lantas beliau mengumumkan perpisahan untuk meninggalkan Muktazilah dan kembali ke dalam kerangka ahli sunnah. Menurut Ahmad Mahmud Subhi (1985: 46-47), peristiwa terpenting menyebabkan al-Ash’ari bertindak keluar daripada aliran Muktazilah untuk bersama dengan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah* ialah, berlaku perselisihan pendapat dengan gurunya al-Jubba’i mengenai perbuatan Allah berdasarkan konsep *al-salah wa al-aslah*. Pada perdebatan tersebut, al-Jubba’i

tidak mampu mempertahankan akidah Muktazilah daripada pertanyaan al-Ash'ari sehingga menimbulkan perasaan ragu-ragu dalam pemikiran al-Ash'ari mengenai kebenaran fahaman Muktazilah tersebut (Muhammad Rashidi dan Syed Hadzrullathfi, 2013: 60).

Ibn 'Asakir (1979: 38-40) menyebutkan terdapat dua faktor al-Ash'ari meninggalkan pegangan Muktazilah. Pertama, keraguan al-Ash'ari terhadap pegangan Muktazilah yang terlalu melebihkan dan mendahulukan akal berbanding al-Quran dan sunnah Rasulullah s.a.w. Hasil daripada keraguan dan kecelaruan pemikiran ini yang menyebabkan berlakunya perdebatan al-Ash'ari dengan gurunya, al-Jubba'i. Kedua, pada bulan Ramadan, al-Ash'ari telah bermimpi bertemu dengan Rasulullah s.a.w. Dalam mimpi tersebut, Rasulullah s.a.w. meminta al-Ash'ari membela al-Quran dan sunnah baginda s.a.w daripada dipermain-mainkan oleh aliran bidaah terutamanya Muktazilah.

Sebahagian pendapat mendakwa bahawa al-Ash'ari melalui tiga fasa kematangan pemikiran iaitu peringkat berada dalam Muktazilah selama 40 tahun. Kemudian keluar daripada Muktazilah untuk mengikuti pegangan Ibn Kullab. Seterusnya pada peringkat akhir beliau keluar daripada pegangan Ibn Kullab dan kembali kepada *ahl al-sunnah wa al-jamaah*. Pendapat sedemikian tidak disebut oleh mana-mana ulama silam yang datang selepas kewafatan al-Ash'ari. Begitu juga mustahil ke atas mereka untuk bersepakat menyembunyikan hakikat tersebut sekiranya ia benar sebagaimana yang didakwa kerana al-Ash'ari merupakan tokoh rujukan yang masyhur (Muhammad Rashidi dan Syed Hadzullathfi, 2013: 61).

al-Asha'irah merupakan peneraju akidah golongan salaf yang sebenar dan akidah al-Tahawiyyah dijadikan satu rumusan terhadap pegangan akidah para *salaf as-salih*. Ini berdasarkan pandangan Taj al-Din al-Subki (1993: 22-23) berikut:

“Puji-pujian bagi Allah, mazhab-mazhab yang empat berada di dalam akidah yang satu, melainkan mereka yang terlibat dengan pendokong Muktazilah, Mujassim. Manakala golongan jumbuh bagi golongan ini adalah golongan yang benar. Kesemua mereka membenarkan akidah Abi Ja'far al-Tahawi yang telah diterima oleh para ulam salaf dan khalaf. Mereka juga telah berpegang dengan agama Allah berdasarkan manhaj syaikh al-sunnah Abi al-Hasan al-Ash'ari yang mana tidak ada seorang pun yang akan membantah beliau melainkan golongan yang melakukan bid'ah”.

Abu al-Hasan tidak membawa ajaran baru dalam agama. Beliau menyampaikan akidah sejahtera seperti mana golongan *salaf al-soleh*. al-Subki juga berpendapat bahawa Abu al-Hasan bukanlah seorang yang mengada-adakan akidah baru, bahkan beliau menerajui apa yang dibawa oleh salaf. As-Subki (1413H: 365) berkata:

Dan ketahuilah bahawa Abu Hasan al-Asy'ari tidak mengada-adakan (mereka cipta) pendapatnya dan mendirikan sebuah mazhab (yang baru), malahan ia merupakan kesinambungan kepada mazhab salaf, dan apa yang dipertahankan oleh para sahabat Rasulullah, dan persandaran kepadanya (mazhab Asya'irah) pada hakikatnya merupakan persandaran kepada mazhab salaf, (mazhab ini) telah ditegakkan di atas hujah dan dalil, maka barangsiapa yang mengikuti cara dan manhajnya dalam beristidlal maka mereka inilah yang digelar sebagai pengikut Asy'ari.

al-MATURIDIYYAH

al-Maturidiyyah adalah kumpulan pengikut yang dinisbahkan kepada Imam Abu Mansur al-Maturidi. Beliau ialah Muhammad bin Muhammad bin Mahmud al-Hanafiy al-Mutakallim. Beliau menetap di Samarqand dan memakai gelaran Imam al-Huda ('Abd al-Hai, 1960: 130). Beliau wafat pada tahun 333H tidak lama selepas kewafatan Abu al-Hasan al-Ash'ari. Beliau dimakamkan di Samarqand. Abd al-Qadir (t.t.: 130) berkata tentang al-Maturidi: "*Muhammad bin Muhammad bin Mahmud Abu Maansur al-Maturidi disebutkannya sebagai orang yang menunjukkan hidayah. Beliau merupakan salah seorang daripada ulama yang agung.*"

Beliau adalah seorang yang alim dalam pelbagai disiplin ilmu khususnya ilmu akidah. Beliau wafat dan meninggalkan karya-karya hebat. Di antara karya-karya beliau sebagaimana disebut oleh Ibn al-Quthlubgha (1962: 59):

1. Kitab *Ta'wilat al-Qur'an atau Ta'wilat Ahl al-Sunnah* (Tafsir).
2. Kitab *Ma'khadh al-Shari'ah* (Usul al-Fiqh).
3. Kitab *al-Jadal* (Tafsir & Kalam Ahl al-Sunnah).
4. Kitab *al-Usul* (Usul al-Din).
5. Kitab *al-Maqalat*.
6. Kitab *al-Tawhid*.
7. Kitab *Bayan Wahm al-Mu'tazilah*.
8. Kitab *Radd Awa'il al-Adillah li al-Ka'bi*.
9. Kitab *Radd Tahdhib al-Jadal li al-Ka'bi*.
10. Kitab *Radd Wa'id al-Fussaq li al-Ka'bi*.
11. *Radd al-Usul al-Khamsah li Abi Muhammad al-Bahili*.
12. *Radd Kitab al-Imamah li ba'd al-Rawafid*.
13. Kitab *al-Radd 'ala al-Usul al-Qaramitah*.

Imam Abu Mansur al-Maturidi bukan sahaja terkenal dengan kelimuannya, bahkan beliau sangat kuat menentang kesesatan manusia. Hal ini dapat diperhatikan menerusi kata-kata Muhammad Abd al-Hay (1334H: 195) bahawa Abu Mansur al-Maturidi yang merupakan imam Mutakalimin dan pembenar akidah umat islam telah menulis karangan-karangan yang agung. Tambahan beliau juga menulis penolakan terhadap pendustaan dan yang terbit daripada dakwaan golongan berakidah sesat.

KHABAR GEMBIRA (*BUSYRA*) BUAT al-ASHA'IRAH DAN al-MATURIDIYYAH

Golongan al-Asha'irah secara tidak langsung mendapat pujian daripada Allah s.w.t. Ini menerusi firman Allah s.w.t dalam surah al-Maidah ayat 54:

"Wahai orang-orang yang beriman! Sesiapa di antara kamu yang berpaling tadah daripada agamanya (jadi murtad), maka Allah akan datangkan satu kaum yang Dia kasihi mereka dan mereka mengasihi Dia; mereka pula bersikap lemah-lembut terhadap orang beriman dan berlaku tegas terhadap orang-orang kafir, mereka berjuang dengan bersungguh-sungguh pada jalan Allah, dan mereka tidak takut kepada celaan orang yang mencela. Yang demikian itu adalah limpah kurnia Allah yang diberikan kepada sesiapa yang dikehendakiNya; kerana Allah maha luas limpah kurniaNya lagi meliputi pengetahuanNya".

Menurut Ibnu 'Asakir (1979: 49) di dalam kitabnya, tatkala turunnya ayat maka Rasulullah s.a.w berkata: "*mereka itu kamumu wahai Abu Musa*" sambil memberi isyarat dengan tangannya ke arah Abu Musa al-Ash'ari. Ini bermakna golongan yang dimaksudkan oleh baginda adalah al-Ash'ari dan pengikut-pengikutnya. al-Qurtubi menukilkan kata-kata al-Qusyairi (al-Qurtubi 1964: 220): "*Maka pengikut Abu al-Hasan al-Ash'ari adalah dari kaumnya kerana setiap maudi' yang disandarkan padanya kaum kepada nabi maka yang dikehendaki daripadanya adalah pengikutnya*".

al-Bukhari (Sahih al-Bukhari: 172) menyatakan di dalam bab 'Kedatangan golongan Ash'ari dan ahli Yaman' bahawa Abu Musa meriwayatkan daripada nabi s.a.w dengan sabdanya: "*Mereka ialah dariku dan aku adalah dari mereka*".

Setelah turun ayat 54 surah al-Maidah, telah datang segerombolan al-Ash'ari dan kabilah-kabilah dari Yaman. al-Bukhari meriwayatkan juga hadis daripada Abu Hurairah. Baginda bersabda: "*telah datang kepada kamu golongan ahli Yaman dan hikmah terdapat pada mereka dari Yaman.*" Oleh itu, penulis meneliti dan memahami menerusi nas-nas berikut, golongan Ash'arah yang disebut tentang mereka dalam al-Quran ini berkarakter mulia, berhikmah, saling mengasihi, menyeru kebaikan dan mencegah kebatilan.

Jika al-Asha'irah memperoleh berita gembira melalui al-Quran, tidak jauh bezanya dengan al-Maturidiyyah yang memperoleh *busyra* melalui hadith. Sesungguhnya Rasulullah memuji golongan al-Maturidiyyah dengan memuji pemerintahnya yang telah membebaskan sebuah kota suci bagi umat Islam. Baginda berbicara tentang pembuka Kota Konstantinopel dengan sabdanya penuh yakin: "*Kota Konstantinopel akan dibuka dan sebaik-baik pemerintah ialah pemerintahnya dan sebaik-baik tentera ialah tentera tersebut.*"

Setelah mengetahui hadis tersebut, para sahabat r.a berbondong-bondong menyahut cabaran membebaskan kota tersebut. Setelah 900 tahun berlalu, kota tersebut akhirnya dibuka di tangan Sultan Muhammad al-Fateh al-Maturidi. Justeru, ini suatu mesej yang jelas bahawa mereka yang berakidah melalui mazhab Abu Mansur al-Maturidi berada di landasan yang benar. Penulis berpendapat bahawa mustahil Rasulullah s.a.w akan memuji seorang yang rosak akidahnya. Sekiranya Sultan Muhammad al-Fateh yang berakidah al-Maturidiyyah berada dalam kesesatan kerana akidahnya, maka Rasulullah s.a.w pasti tidak akan memuji beliau, bahkan mencela kerana baginda tidak diam ke atas kesesatan.

PRINSIP WASATIYYAH DALAM AKIDAH AHLI *al-SUNNAH WA al-JAMA'AH*

I'tiqad ahl al-sunnah wa al-jama'ah adalah pertengahan di antara *ifrat* dan *tafrit*. Mereka menerima keseluruhan al-Quran, hadis dan ijmak ulama tanpa keraguan. Mereka tidak beriman dengan sebahagian dan menolak sebahagian yang lain. Di antara sikap pertengahan yang dapat dilihat adalah seumpama berikut:

- a. *Ahl al-sunnah wa al-jama'ah* berpegang teguh dengan usul iman yang disepakati. Menurut Abu Mansur al-Baghdadi (t.t.: 279) sesiapa yang menyalahi perkara ini dihukum sebagai sesat. Usul-usul iman tersebut adalah seperti:
 - i. Mengetahui kebaharuan alam di dalam bahagian-bahagiannya yang terdiri daripada *al-a'rad* dan *al-ajsam*.
 - ii. Mengetahui akan pencipta alam dan sifat-sifat (wajib) bagiNya
 - iii. Mengetahui keazalian sifat-sifatNya
 - iv. Mengetahui tentang para rasul dan nabiNya

- v. Mengetahui mukjizat para nabi dan *karamah* para wali
 - vi. Mengetahui perkara yang telah diijma'kan oleh umat Islam daripada rukun-rukun syariat Islam
- b. Menurut Wan Mohd Nor Wan Daud (2005: 8), wujud penegasan bahawa seseorang insan boleh mencapai ilmu pengetahuan yang *thabit* tentang hakikat sesuatu perkara. Ia merupakan penolakan terhadap golongan yang meragui hakikat ilmu, penisbian ilmu dan golongan yang degil tidak menerima hakikat kebenaran seperti golongan liberalisme dan pluralisme. Capaian ilmu pengetahuan secara bersepadu yakni menerusi pancaindera, akal dan khabar sadiq telah disampaikan oleh para ulama Islam seperti menerusi teks terjemahan kitab akidah yang dianggap tertua di alam Melayu oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas iaitu '*Aqaid al-Nasafi*.
- c. Tidak melampau dalam keimanan. Di sisi *ahl al-sunnah wa al-jama'ah*, maksud *al-iman* adalah merujuk kepada pembenaran yang putus terhadap segala perkara (wahyu) yang telah dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w yang merangkumi perkara-perkara yang telah diketahui di dalam agama secara *daruri*. Ia turut merangkumi membenarkan dengan hati, berikrar dengan lidah dan melakukan tuntutan iman dengan perbuatan. Perkara yang dibawa tersebut adalah perkara yang sabit secara putus menerusi al-Quran dan al-Sunnah serta wajib diyakini tanpa sebarang *zan*, syak dan *wahm* (Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Sobri Elias, 2011: 26). Mereka meyakini rukun Islam dan rukun iman tanpa berlaku tokok tambah. Berbeza halnya dengan golongan Shi'ah, mereka menambah di dalam rukun Islam yang lima. Bagi mereka sesiapa yang berpegang dengan rukun Islam yang lima tanpa menambahkan rukun keenam dianggap sebagai Muslim dan bukan Mukmin. Secara tidak langsung mereka telah membezakan di antara Muslim dan Mukmin. Rukun Islam keenam menurut dakwaan mereka adalah wajib beriman dengan konsep *al-imamah*.
- d. Tidak mengkafirkan seseorang tanpa hak seperti yang dilakukan oleh kumpulan Daish, Wahabi, Shi'ah dan seumpamanya. Zakaria Stapa (t.t.: 28) memberi contoh bahawa golongan Wahabi begitu mudah terlibat dalam pengkafiran terhadap sesiapa yang berlawanan dengan akidah mereka. Mereka menganggap bahawa golongan yang terselamat daripada kekufuran hanyalah mereka yang mempunyai Tauhid Uluhiyyah. Mereka juga menganggap Tauhid Rububiyah adalah jenis tauhid yang dimiliki bersama di antara Muslim dan kafir seperti Abu Jahal dan Abu Lahab. Justeru, implikasinya adalah pengtakfiran terhadap umat Islam yang melakukan amalan *tawassul* dan *tabarruk* yang dianggap sebagai syirik kerana alasan tidak langsung beribadah kepada Allah tanpa perantaraan. Menurut akidah *ahl al-sunnah wa al-jama'ah*, amalan *tawassul* dan *tabarruk* adalah harus beralih ke al-Quran dan hadis (Abdullah, 2010: 136 dan 144). Amalan ini dijadikan hanyalah sebagai perantaraan di antara hamba dan Tuhan agar dikurniakan hajat dengan keberkatan yang ada pada amalan tersebut. Keyakinan mereka tetap terpasak kukuh bahawa Allah sahajalah yang berkuasa untuk mencipta manfaat dan mudarat bagi hamba. Sikap ekstrem kumpulan Wahabi ini akhirnya membawa kepada pertumpahan darah umat Islam kerana menganggap darah pelaku *tawassul* dan *tabarruk* halal dibunuh kerana syirik.

KESIMPULAN

Secara rumusan, berdasarkan penjelasan-penjelasan yang dikemukakan di atas, golongan yang bersifat pertengahan di dalam akidah terdiri daripada dua kelompok manusia iaitu al-

Asha'irah dan al-Maturidiyyah. Hal ini berdasarkan fakta yang telah disebut oleh ramai ulama Islam seperti Ibn 'Asakir, al-Qurtubi, al-Qusyairi dan lain-lain. Bahkan mereka adalah golongan yang dimaksudkan dalam al-Quran mahupun hadith sebagai kaum yang didatangkan oleh Allah untuk menyampaikan kebenaran. Setiap individu Muslim sewajarnya bersikap *al-wasatiyyah* terutama dalam perihal akidah. Perkara ini penting untuk menjauhkan diri daripada sikap fanatik terhadap kumpulan, jumud dan literal terhadap nas-nas syariat sehingga membawa kepada kelonggaran dan kepincangan akidah. Di samping itu, ancaman-ancaman ektremisme beragama dan sikap mudah untuk mengkafirkan amalan-amalan manusia perlu dihindari. Masalah ini dapat diselesaikan sekiranya manusia menelusuri akidah dan mendalami ilmu melalui janaan al-Asha'irah dan al-Maturidiyyah. Dua golongan ini diyakini mewarisi sanad ilmu yang bersambung sehingga Rasulullah s.a.w. Ilmu yang benar dan bersambung susur galurnya sehingga kepada Rasulullah s.a.w tidak akan melahirkan insan yang begitu mudah melakukan pentakfiran terhadap orang lain.

PENGHARGAAN

Makalah ini berkaitan dengan projek Special Research Grant Scheme (SRGS) iaitu UniSZA/SRGS-FKI/2018/06, kod projek R0043-R0006 di bawah tajuk Pembinaan Kerangka Manhaj Ahli Sunnah Wa al-Jamaah dalam Menangani Ancaman Ektremisme dan Penyelewengan Akidah. Penghargaan khusus kepada Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) yang menaja dan menyokong kajian ini.

RUJUKAN

al-Quran al-Karim

Abdullah Md Zain. 2013. *Pendekatan Wasatiyyah: Definisi, Konsep dan Pelaksanaan*.

Abu 'Abd Rahman, Abdullah bin Muhammad. 2010. *al-Sirat al-Mustaqim*. Beirut: Syarikah Dar al-Masyari'.

al-Baghdadi, Abu Mansur 'Abd al-Qahir bin Tahir. t.t. *al-Farqu Baina al-Firqah*. Dirasat wa Tahqiq: Muhammad 'Uthman al-Hasan. Kaherah: Maktabah Ibnu Sina.

Ibn 'Asakir, 'Ali bin al-Hasan bin Hibbah Allah. 1979. *Tabyin al-Kadhib al-Muftari fima Nusiba Ila al-Imam Abi al-Hasan al-Ash'ari*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.

Ibn al-Ahmad, 'Abd al-Hai bin Ahmad. 1960. *Syadharat al-Dhahab*. Beirut: Dar Ibn Kathir. j.04.

Ibn Qutlubugha, Qasim 1962. *Taj al-Tarajum fi Tabaqat al-Hanafiyyah*. Baghdad: T.p.

Ibnu as-Subki, Taj al-Din 'Abd al-Wahhab bin 'Ali. 1413H. *Tabaqat al-Shafi'iyyah al-Kubra*. Hajar li at-Taba'ah li an-Nashr wa at-Tauzi'. C:2. J.3.

Ibnu as-Subki, Taj al-Din 'Abd al-Wahhab bin 'Ali. 1993. *Mu'idu an-Ni'am wa Mubidu al-Niqam*. Kaherah: Maktabah al-Khanji. C: 2.

al-Laknawiy, Muhammad bin Abd al-Hay. 1334H. *al-Fawa'id al-Bahiyyah fi Tarajim al-Hanafiyyah*. Mesir: Matba'ah as-Sa'adah, c.1.

Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Sobri Ellias. 2011. *Perbezaan Fahaman Syiah Imamiyyah Dan Ahli Sunnah Wal Jamaah*. Selangor: Jabatan Agama Islam Selangor.

Mohd Zuhdi Ahmad Khasasi & Ahmad Dahlan Salleh. 2015. *Wasatiyyah Dan Kesederhanaan*.

Muhammad Rashidi Wahab & Syed Hadzrullathfi Syed Omar. 2013. *Peringkat Pemikiran Imam al-Ash'ari Dalam Akidah*. International Journal of Islamic Thought Vol. 3.

Muhammad Usman El-Muhammady. 2010. *Perpecahan Menghakis Pengaruh Kekuatan Islam*, Kertas Kerja, Multaqa Ulama' dan Ilmuan Johor.

Muhammad Usman El-Muhammady. 2010. *Perpecahan Menghakis Pengaruh Kekuatan Islam*, Kertas Kerja, Multaqa Ulama' dan Ilmuan Johor.

Muslim, Muslim bin Hajjaj bin Muslim. t.t. *Sahih Muslim*, Bab Ma'rifah al-Iman wa al-Islam wa al-Qadr. No.Hadis: 01, Beirut: dar ihya' al-Turath al-'Arabiyy, j.01.

- Muslim, Muslim bin Hajjaj bin Muslim. t.t. *Sahih Muslim*, Bab Ma'rifah al-Iman wa al-Islam wa al-Qadr. No.Hadis: 01. Beirut: dar ihya' al-Turath al-'Arabiyy, j.01.
- al-Nasa'i, Abu 'Abd Rahman Ahmad bin Shu'aib bin 'Ali al-Kharsani. 1986. *Sunan an-Nasa'i*. Halab: Maktabah al-Matbu'ah al-Islamiah. c.2.
- al-Qurasyi, Abd' al-Qadir bin Muhammad. t.t.. *al-Mudi'ah fi Tabaqat al-Hanafiyyah*. Karachi: Mior Muhammad Kutub Khanah.
- al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad. 1964. *Tafsir al-Qurtubi*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah. j.6.
- Syakila Ahmad. t.t. *Usaha Memartabat Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Sebagai Pemangkin Kelangsungan Masyarakat Islam Madani Di Malaysia*. Universiti Tun Hussein Onn.
- al-Tabarani, Sulaiman bin Ahmad, t.t. *Mu'jam al-Awsat*, Bab Yang Namanya Ahmad. No.Hadis:5415, Kaherah: Daqr al-Haramain. j.05.
- al-Tabrani Sulaiman Bin Ahmad. 1994. *Mu'jam At-Tabarani al-Kabir*, Bab Abu Ghalib Sahib al-Mihjan dan Namanya Azwar, No. Hadis: 8051. Kaherah: Tab' Maktabah, J. 08.
- al-Tahawi, Abu Ja'far Ahmad bin Salamah. 2004. *al-'Aqidah at-Tahawiyyah*. Beirut: Syarikah Dar al-Masyari'.
- al-Tirmidhi, Muhammad Bin 'Isa. 1975. *Sunan At-Tirmidhi*, Bab Ma Ja' Fi Ifтираq Hadidhi al-Ummah, No.Hadis: 2641. Kaherah: Syarikah Maktabah Wa Matbu'ah Mustafa al-Babi al-Halabi. C:2, J.05.
- al-Tirmidhi, Muhammad Bin 'Isa. t.t. *Sunan al-Tirmidhi*, Bab Ma Ja' Fi Luzum al-Jama'ah. No.Hadis: 465, j.04.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 2005. Beberapa Aspek Pandangan Alam Orang Melayu dalam Mnuskrip Melayu Tertua al-'Aqid al-Nasafi. AFKAR Jurnal Akidah & Pemikiran Islam, Bil. 6, Mei 2005, 1-14.
- al-Zabidiy, Muhammad Murtadha. t.t. *Ithaf al-Saadati al-Muttaqin bi Sharhi Ihya' Ulum al-Din*, j.2.
- Zakaria Stapa. t.t. *Keutuhan Ahli Sunnah Waljamaah (ASWJ) di Malaysia Dalam Memartabatkan Agama Islam*. Institute Islam Hadhdari: UKM.